

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004 / 2005

Mac 2005

**PPG 316 : Kaedah Mengajar Geografi II**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN**

Kertas soalan ini mengandungi **ENAM (6)** soalan semuanya. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada **EMPAT(4)** soalan, hanya **EMPAT (4)** soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. 'Sukatan pelajaran Geografi Tingkatan Enam memberi penekanan kepada kedinamikan hubungan antara manusia dengan alam sekitar.'

(Zaharah Mahmud, 1996)

Bincangkan pernyataan di atas dari sudut alam sekitar fizikal dan alam sekitar manusia.

(25 markah)

2. a) Dengan merujuk kepada model inkuiri umum, terangkan bagaimana kaedah inkuiri dapat dilaksanakan bagi satu topik Geografi menengah atas dapat dilaksanakan.

(15 markah)

- b) Huraikan **LIMA (5)** tindakan guru yang boleh menghalang proses inkuiri.

(10 markah)

3. a) Bincangkan **LIMA (5)** kelebihan menjalankan Kajian Geografi Tempatan di peringkat menengah atas.

(15 markah)

- b) Huraikan langkah-langkah yang perlu dibuat oleh guru dan murid sebelum, semasa dan selepas sesuatu kajian dijalankan.

(10 markah)

4. a) Dengan merujuk kepada mata pelajaran Geografi, huraikan **LIMA (5)** ciri pembelajaran masteri.

(10 markah)

- b) Dengan memilih satu topik pengajaran Geografi menengah atas, jelaskan cara anda menjalankan pembelajaran masteri berpandukan langkah-langkah pelaksanaannya.

(15 markah)

...3/-

5. a) Huraikan **LIMA (5)** rasional penggunaan ICT dalam mata pelajaran Geografi. (10 markah)
- b) Dengan memilih satu topik Geografi menengah atas, jelaskan penggunaan ICT untuk pembelajaran tutorial dan ICT untuk pembelajaran penerokaan. (15 markah)

6.

Peperiksaan	Bentuk Soalan Geografi
PMR	Objektif – Aneka Pilihan
SPM	Objektif – Aneka Pilihan Subjektif – Respon Terhadap Subjektif – Esei
STPM	Subjektif – Esei

Bentuk Soalan Peperiksaan Awam Malaysia

- a) Pada pendapat anda, mengapakah bentuk soalan peperiksaan awam (Geografi) berbeza-beza mengikut peperiksaan? (10 markah)
- b) Huraikan **LIMA (5)** kelebihan soalan esei dalam sesuatu peperiksaan. (15 markah)